

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- a. jumlah baja yang diimport oleh Malaysia sama ada baja organik atau baja kimia dalam sektor pertanian dari tahun 2016 hingga suku kedua 2019 ; dan
- b. sejauh mana hala tuju negara bagi meningkatkan pengeluaran baja organik tempatan dalam sektor pertanian bagi mengurangkan kebergantungan baja import.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, data import baja kimia dan baja organik bagi tahun 2016 – 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Baja Kimia		Baja Organik	
	Kuantiti (mt)	Nilai (RM)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM)
2016	4.12 juta	3.95 billion	0.34 juta	157.86 juta
2017	4.38 juta	4.30 billion	0.41 juta	177.38 juta
2018	4.33 juta	4.63 billion	0.36 juta	150.72 juta

* Data rasmi suku kedua 2019 belum dikeluarkan oleh Jabatan Statistik.

2. Dalam usaha membangunkan pertanian mampan, di mana penggunaan dan pengeluaran baja organik merupakan salah satu perkara utama yang diberi tumpuan. Beberapa pelan tindakan telah dirancang dan dilaksanakan di peringkat Jabatan Pertanian seperti berikut :

- i. Membangunkan Standard Spesifikasi Baja Organik (MS 1517:2012) bagi memastikan penghasilan baja organik di dalam negara mematuhi spesifikasi yang ditetapkan supaya produk yang dihasilkan berkualiti dan mampu berdaya saing di pasaran;
- ii. Perladangan Organik dibangunkan sebagai satu alternatif kepada sistem perladangan secara konvensional yang menghasilkan produk pertanian yang dijamin berkualiti dan selamat dimakan. Program ini akan meningkatkan permintaan dan pasaran terhadap baja organik;
- iii. Pengukuhan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) adalah salah satu usaha menggalakkan penggunaan input

organik. Di bawah skim ini, keyakinan pengguna terhadap produk organik akan meningkat;

- iv. Bantuan input pertanian melalui pemberian baja organik oleh Jabatan Pertanian kepada golongan sasaran turut digunakan sebagai medium mempromosikan baja organik; dan
- v. Pelaksanaan pelbagai siri taklimat dan latihan secara *hands-on* oleh Jabatan Pertanian bagi memberi pendedahan dan mendidik golongan sasaran mengenai kepentingan penggunaan baja organik serta penghasilan baja organik dari bahan-bahan buangan dan sisa pertanian.

3. Selain daripada itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut giat menjalankan penyelidikan tentang baja organik dan bio untuk mengurangkan penggunaan baja berasaskan kimia sintetik, kebergantungan terhadap baja import, meningkatkan penggunaan sumber/sisa buangan tempatan dan menjaga kelestarian alam sekitar. Bakteria utama yang dikaji untuk penyelidikan biofertilis adalah:

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none">i. Bacillus;ii. Kulat mycorrhizal;iii. Klebsiella;iv. Pseudomonas;v. Azospirillum;vi. Rhizobium;vii. Stenotrophomonas;viii. Burkholderia;ix. Sphingomonas; danx. Arthrobacter. | } Mikroorganisma yang paling banyak dikaji |
|---|--|

Sekian, terima kasih.